

Jangan persoal secara terbuka sijil halal, jaga sensitiviti

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
dan **NUR SHARIEZA ISMAIL**
utusannews@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran agar cadangan mewajibkan sijil halal ke atas restoran dan syarikat makanan di negara ini tidak dipersoalkan secara terbuka kerana tindakan sedemikian hanya akan 'merosakkan' kestabilan dan keharmonian negara.

Perdana Menteri menegaskan, sentimen setiap masyarakat perlu dijaga dan sewajarnya setiap pandangan berkaitannya dibawa untuk diperbincangkan supaya ia dapat diteliti.

Kata, kenyataan-kenyataan kontroversi yang dikeluarkan adalah tidak relevan dalam masyarakat di negara ini yang mempunyai sentimen masing-masing.

"Jika mahu diberi perhatian, bawa dalam mesyuarat dan kita teliti. Tidak boleh begini, ia menimbulkan kontroversi yang tak relevan dalam masyarakat kita.

"Peraturan (sijil halal) perlu supaya umat Islam tidak rasa was-was, kalau dirasakan peraturan itu tidak diperlukan di beberapa kawasan tertentu, bincanglah secara elok. Kalau mahu mewakili beberapa (pihak) tidak mengapa, tetapi tidak perlu kerana ia tidak membantu untuk menjernihkan keadaan.

"Kita kena jaga sentimen



ANWAR Ibrahim melawat gerai jualan pada Majlis Perasmian Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Seremban (Arah Selatan), Lebuhraya Utara Selatan di Seremban semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

orang Islam, orang bukan Islam. Caranya adalah runding secara elok, bukan untuk kehebatan masing-masing. Negara kita sudah dalam keadaan baik sekarang, politik stabil, penghargaan dunia baik, ekonomi naik, buat apa perkara-perkara ini merosakkan?" katanya.

Anwar berkata demikian selepas merasmikan Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Seremban

(Arah Selatan), Lebuh Raya Utara Selatan di sini, semalam.

Baru-baru ini, media melaporkan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengkaji cadangan untuk mewajibkan restoran dan syarikat makanan di negara ini memiliki sijil halal.

Langkah itu bagi mengecualikan restoran yang menghidangkan daging babi atau minuman beralkohol.

Perkara itu kemudian mendapat maklum balas Naib Pengerusi DAP, Teresa Kok yang dilaporkan berkata, cadangan itu hanya menambah beban kepada peniaga dan memalukan negara.

Beberapa pihak lain kemudian menampelak Teresa dengan menganggap kenyataan Ahli Parlimen Seputeh itu mengugut keharmonian dan perpaduan negara ini.